

Pageturners Dalam Buku Cerita Bergambar Kanak-Kanak
Pageturners In Children's Picturebooks

*Kaithiri Arumugam**
*kaithiribala@yahoo.com

Rohaya Md Ali
aya@uum.edu.my

Phat Awang Deng
phat@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia

Received: 4 May 2021; Published 18 Jun 2021

Cite this article (APA): Arumugam, K., Md Ali, R., & Awang Deng, P. (2021). *Pageturners dalam Buku Cerita Bergambar Kanak-kanak*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1), 69 - 84. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/143>

ABSTRAK

Buku cerita bergambar kanak-kanak merupakan satu genre yang istimewa dalam kesusasteraan kanak-kanak. Gambar dalam buku cerita bergambar kanak-kanak berfungsi sebagai daya penarik yang penting untuk menarik minat serta menggalakkan seseorang kanak-kanak itu membaca pada peringkat umur yang rendah. Namun, kajian tentang buku cerita bergambar kanak-kanak di Malaysia kurang mendapat perhatian yang sewajarnya. Sebagai satu genre sastera yang unik, teks dan gambar dalam sesebuah buku cerita bergambar kanak-kanak mempunyai fungsi yang sama untuk menjadikan sesuatu cerita itu bermakna. Hal ini menyebabkan hubungan antara teks dengan gambar dalam buku cerita bergambar kanak-kanak menyumbang kepada perkembangan elemen sastera yang memberi kesan kepada pembacaan kanak-kanak. *Pageturners* merupakan elemen yang hanya terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak dan berfungsi untuk menimbulkan unsur suspens dalam kalangan pembaca kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak dan menganalisis *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak berdasarkan pendekatan Nikolajeva (2006). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan meneliti enam buah buku cerita bergambar kanak-kanak yang mengandungi penggunaan *pageturners*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *pageturners* yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak yang dikaji digunakan untuk menimbulkan unsur suspens dan rasa ingin tahu dalam kalangan pembaca kanak-kanak. Kesimpulannya, *pageturners* yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak berperanan untuk menjadikan sesebuah buku cerita bergambar kanak-kanak itu menarik dan menjadikan pembaca kanak-kanak berasa terhibur.

Kata kunci: Buku cerita bergambar kanak-kanak; *Pageturners*; Pembaca kanak-kanak

ABSTRACT

Children's picture storybooks are a special genre in children's literature. Pictures in children's picture storybooks serve as an important attraction to attract interest and encourage a child to read at an early age. However, research on children's picture story books in Malaysia has received less attention. As a unique literary genre, the text and pictures in a children's picture storybook have the same function to make a story meaningful. This causes the relationship between text and pictures in children's picture storybooks to contribute to the development of literary elements that affect children's reading. Pageturners are an element found only in children's picture storybooks and serve to evoke an element of

suspense among children's readers. Accordingly, this paper aims to identify pageturners in children's picture storybooks and analyze pageturners in children's picture storybooks based on Nikolajeva's (2006) approach. This study used a content analysis method by examining six children's picture story books containing the use of pageturners. The findings of the study indicate that the pageturners found in the children's pictorial story books studied are used to evoke elements of suspense and curiosity among children's readers. In conclusion, the pageturners found in children's picture story books play a role in making a children's picture story book interesting and make children's readers feel entertained.

Keywords: Children's picture books; Pageturners; Child readers

PENGENALAN

Sastera boleh dilihat sebagai satu cerminan kepada dunia kehidupan sesebuah masyarakat (Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain Ramli, 2017). Begitu juga halnya dengan kesusasteraan kanak-kanak yang merupakan cerminan dalam mewujudkan dunia kanak-kanak yang menyeronokkan. Kesusasteraan kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan kreatif dan imaginatif yang bersesuaian dengan dunia kanak-kanak. Salah satu aspek yang penting dalam menulis bahan bacaan untuk kanak-kanak ialah isi dan teknik penceritaan yang dapat merangsang minat kanak-kanak untuk meneroka makna hidup dari pelbagai dimensi (Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2013). Hadijah Rahmat (2006:ix) berpandangan bahawa buku sastera kanak-kanak lebih mudah menarik perhatian dan minat kanak-kanak kerana mereka memang mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap sesuatu yang beransur kreatif dan imaginatif jika dibandingkan dengan bahan bacaan lain yang biasa dan mendatar. Buku cerita bergambar kanak-kanak merupakan buku sastera untuk kanak-kanak yang menyampaikan sesuatu cerita dengan mengutamakan paparan gambar pada setiap halaman muka surat yang hanya menggunakan perkataan atau ayat yang minimum (Mahzan Arshad, 2012; Nodelman & Reimer, 2003). Paparan gambar dalam buku cerita bergambar kanak-kanak penting kerana makna cerita dicipta melalui interaksi antara teks dengan gambar. Gambar, imej atau visual sangat sesuai untuk menyebarkan idea atau mesej kerana mudah menarik perhatian pembaca. Hal ini demikian kerana medium konvensional seperti kartun, komik, buku cerita bergambar kanak-kanak dan kad permainan didapati masih memenuhi kriteria sebagai medium yang mengguna dan menerapkan bahasa ke dalam imej atau gambar bagi menyampaikan mesej, idea dan maklumat yang dikehendaki (Nur Izzati Abdullah, Anida Sarudin, Zulkifli Osman & Husna Faredza Mohamed Redzwan, 2020). Dalam sesebuah buku cerita bergambar kanak-kanak yang sebenar, gambar dianggap penting kepada cerita kerana cerita akan berkurangan tanpa gambar (Short, Tomlinson, Brown & Johnson, 2015). Secara umumnya, pengarang dan ilustrator menggunakan pelbagai cara untuk menjadikan buku cerita bergambar kanak-kanak lebih unik bertujuan untuk menggembarakan pembaca kanak-kanak, menarik perhatian khalayak pembaca dan menguatkan menyampaikan cerita. *Pageturners* merupakan antara cara yang digunakan oleh pengarang dan ilustrator dalam buku cerita bergambar kanak-kanak untuk membolehkan pembaca kanak-kanak memberi fokus terhadap bacaan.

Pageturners ialah satu elemen yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertujuan untuk mendorong pembaca menyelak muka surat seterusnya bagi mendapatkan makna cerita yang jelas. Pengarang dan ilustrator sengaja meletakkan sesuatu sebagai tidak lengkap pada satu muka surat dan bahagian yang hilang pada muka surat yang seterusnya supaya pembaca terdorong untuk menyelak muka surat bagi menyatukan kedua-dua fragmen bersama-sama. Buku cerita bergambar kanak-kanak yang efektif biasanya direka supaya jeda berlaku secara semula jadi di *pageturners* dan pada masa yang sama membuatkan pembaca kanak-kanak menyelak muka surat seterusnya sama ada untuk menimbulkan perasaan terkejut atau untuk mengesahkan harapan pembaca (Russell, 2015).

Pageturners boleh didefinisikan sebagai perincian verbal atau visual yang mendorong pembaca untuk menyelak halaman muka surat yang seterusnya untuk mengetahui peristiwa yang berlaku selepasnya (Nikolajeva dan Scott, 2006). Gressnich (2012) pula menjelaskan *pageturners* sebagai,

Susun atur teks dan gambar yang disengajakan dan bertujuan. Urutan teks adalah berkaitan dengan gambar atau satu set gambar dan susunan kedua-duanya adalah dalam satu atau dua halaman muka surat yang tidak pernah secara kebetulan. Halaman muka surat tersebut bukan hanya bermaksud untuk membawa teks dan gambar bersama-sama tetapi juga mempengaruhi cara kita membaca cerita berkenaan berdasarkan elemen-elemen tersebut.

Selain itu, *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak dirancang dengan teliti kerana mempunyai kepentingan semiotik yang kompleks. Sipe (2001) menjelaskan bahawa buku cerita

bergambar kanak-kanak tidak hanya menunjukkan teks dan gambar dalam gerak perlahan malah pengarang dan ilustrator boleh menggunakan jarak waktu yang ringkas dalam pelbagai cara yang bermakna untuk membolehkan pembaca kanak-kanak menyelak halaman muka surat buku bergambar kanak-kanak. Tambahan pula, *pageturners* boleh berfungsi sebagai isyarat untuk menukarkan perspektif, keadaan psikologi atau menukarkan emosi watak dalam cerita berkenaan (Sipe, 2001).

Permasalahan bagi kajian ini berangkat daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Chew Fong Peng (2012) yang menjelaskan bahawa pandangan dan pendapat masyarakat tentang buku sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu masih belum diterokai secara mendalam malah buku sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu tidak pernah dikaji secara komprehensif. Malah Alimah Salam (2010) pula berpandangan bahawa perkembangan bahan bacaan kanak-kanak tidak boleh diperkaya tanpa kajian dan penyelidikan, dalam usaha mencari jalan untuk meningkatkan mutu dan pengeluarannya. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini menganalisis dan membincangkan keunikan *pageturners* yang terdapat dalam enam buah buku cerita bergambar kanak-kanak dalam bahasa Melayu bagi memperkaya kajian tentang buku sastera kanak-kanak khususnya buku cerita bergambar kanak-kanak. Penganalisisan dan perbincangan ini diharap akan membuka ruang yang lebih luas untuk meneroka buku cerita bergambar kanak-kanak dalam bahasa Melayu dengan lebih mendalam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak berdasarkan pendekatan Nikolajeva (2006). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak berdasarkan pendekatan Nikolajeva (2006).

SOROTAN LITERATUR

Gressnich (2012) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti penggunaan pelbagai jenis *pageturners* dalam 30 buah buku cerita bergambar kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan pelbagai tujuan dan kesan *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sesetengah buku cerita bergambar kanak-kanak yang hanya menggunakan satu atau beberapa *pageturners* manakala terdapat juga buku yang mengandungi *pageturners* bentuk berulang. Hasil kajian membuktikan bahawa *pageturners* yang biasa terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak ialah *pageturners* bentuk verbal iaitu urutan soalan-jawapan berpecah dan ayat berpecah. Kajian ini juga menunjukkan bahawa *pageturners* digunakan untuk tujuan meningkatkan suspens dan berfungsi sebagai kaedah didaktik. Sehubungan dengan itu, kajian ini membuktikan bahawa setiap *pageturners* mengajak pembaca kanak-kanak untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti membaca.

Selain itu, Sipe dan Brightman (2009) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti respons kanak-kanak *second-grade* terhadap *pageturners* dalam lima buah buku cerita bergambar kanak-kanak. Guru mendapatkan respons kanak-kanak tentang *pageturners* melalui sesi bacaan kuat dengan menyuruh kanak-kanak membuat spekulasi tentang peristiwa yang mungkin akan berlaku di antara halaman muka surat. Dapatan kajian yang berdasarkan kaedah analisis kandungan menunjukkan bahawa kanak-kanak memberikan respons melalui tujuh cara iaitu (1) membuat spekulasi tentang tindakan yang mungkin dilakukan oleh watak-watak, (2) mencipta dialog berbentuk imaginasi yang mungkin berlaku di antara watak, (3) mewujudkan kemungkinan pemikiran dan perasaan watak, (4) bercakap tentang kemungkinan perubahan tetapan antara jeda, (5) membuat spekulasi tentang jumlah masa yang mungkin telah berlalu antara satu halaman muka surat yang dibuka dengan halaman muka surat yang lain, (6) membuat hipotesis tentang perubahan perspektif pembaca dari satu pembukaan muka surat ke pembukaan yang seterusnya dan (7) membuat pemerhatian tentang perubahan dari satu genre sastera ke genre sastera yang lain ketika adanya *pageturners*. Kajian ini juga membuktikan bahawa kanak-kanak mula untuk membuat spekulasi sendiri tentang *pageturners* tanpa adanya rangsangan berbentuk soalan.

Memandangkan keunikan *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak maka penulis tertarik untuk mengkaji *pageturners* bentuk verbal dan visual yang terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak yang diterbitkan di Malaysia. Kajian ini secara tidak langsung akan memperkaya dan memperbanyakkan kajian dalam buku cerita bergambar kanak-kanak di negara ini yang dikatakan masih belum dikaji secara komprehensif.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam bentuk analisis kandungan teks. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan pandangan beberapa orang sarjana antaranya, Bekkedal (1973) yang berpandangan bahawa kaedah analisis kandungan sesuai digunakan dalam menganalisis buku kanak-kanak. Hal ini demikian kerana kaedah analisis kandungan bersifat objektif, sistematik dan menggambarkan kandungan. Palmquist (dalam Abdul Halim Ali (2010) pula menyebutkan beberapa kelebihan kaedah analisis kandungan iaitu (a) melihat secara langsung pada perhubungan menerusi teks dan seterusnya dapat sampai pada aspek tumpuan dalam perhubungan sosial. (b) dapat memberikan pemahaman sejarah atau budaya yang bernilai melewati masa teks-teks yang dikaji. (c) memberi ruang paling dekat dan hampir penulis dengan teks. (d) boleh digunakan bagi menginterpretasi teks bagi tujuan perkembangan kepakaran yang berpandangan bahawa kaedah analisis kandungan sesuai digunakan dalam menganalisis buku kanak-kanak. Hal ini demikian kerana kaedah analisis kandungan bersifat objektif, sistematik dan menggambarkan kandungan.

Selain itu, buku cerita bergambar kanak-kanak dipilih berdasarkan ciri-ciri sebuah buku cerita bergambar kanak-kanak sebagaimana yang dikemukakan oleh Jalongo (2004) iaitu terdapat gambar pada setiap muka surat, mempunyai plot yang mudah, mengandungi antara 200 patah perkataan dan terdiri daripada lebih kurang 32 muka surat. Sehubungan dengan itu, sebanyak enam buah buku cerita bergambar kanak-kanak yang menepati ciri-ciri tersebut digunakan sebagai data kajian seperti yang terdapat dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Senarai Judul Buku Bergambar Kanak-kanak yang Dikaji

Bil	Judul Buku	Tahun	Nama Pengarang	Penerbit
1	<i>Kus dan Kur</i>	2014	Udamatsaid	Dewan Bahasa & Pustaka
2	<i>Biring Si Kunani</i>	2014	Rahimidin Yusof Emila Yusof	Dewan Bahasa & Pustaka
3	<i>Si Bayang-bayang</i>	2013	Mohd. Yusof Ismail Zainuddin Jamil	Dewan Bahasa & Pustaka
4	<i>Naga dan Agam</i>	2018	Salmiah Kasmuni	Dewan Bahasa & Pustaka
5	<i>Di Mana</i>	2018	Razisatul Asyifaj Ismail Mohd. Khairul Azman Ismail	Oyez! Books
6	<i>Apa yang Dibawa</i>	2017	Yusof Gajah	Dewan Bahasa & Pustaka


JENIS-JENIS PAGETURNERS DALAM BUKU BERGAMBAR KANAK-KANAK

Buku cerita bergambar kanak-kanak yang efektif biasanya direka supaya berlaku hentian sebentar di *pageturners* untuk mendorong pembaca terus membaca. Pengarang dan ilustrator memasukkan elemen *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertujuan sama ada untuk memberi kejutan kepada pembaca atau untuk mengesahkan harapan pembaca apabila pembaca menyelak surat seterusnya. Tindakan menyelak halaman muka surat yang seterusnya menjadi bahagian penting dalam pengalaman membaca. Hal ini demikian kerana pembaca perlu menyelak halaman muka surat yang seterusnya untuk mendapatkan makna cerita lengkap yang disampaikan secara verbal dan visual. Sesuatu perkara dalam buku cerita bergambar kanak-kanak sengaja diletakkan sebagai tidak lengkap pada satu muka surat dan bahagian yang hilang pada muka surat yang seterusnya untuk menggesa pembaca menyelak muka surat tersebut bagi menyambung kedua-dua fragmen bersama-sama. Misalnya, tanda baca khusus, (*triple-dot glyph*) iaitu tanda tiga titik kerap digunakan dalam *pageturners* bagi menunjukkan bahawa ayat itu akan bersambung dengan ayat yang terdapat pada halaman muka surat yang seterusnya. Hal ini dapat dijelaskan dalam Gambar 1:



Gambar 1

Gambar 2: Contoh *pageturners* dalam buku bergambar *Kus dan Kur*



Gambar 2

Gambar 1 di atas memaparkan contoh penggunaan *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak iaitu ayat yang berbunyi 'Semakin laju...' yang diakhiri dengan tanda tiga titik menunjukkan bahawa ayat itu hanya akan bermakna sekiranya bersambung dengan ayat yang terdapat di muka surat seterusnya. Keadaan ini memerlukan pembaca menyelak muka surat yang seterusnya seperti pada Gambar 2 untuk mendapatkan sambungan ayat. Sebagai contoh, teks menyatakan bahawa;

Sawa tidur lena. Awas, Sawa! Layang-layang laju melayang menuju ke arah Sawa.

(*Kus dan Kur*, 2014:9)

Pembaca akan berfikir tentang layang-layang yang melayang semakin laju dan mendorong mereka untuk menyelak muka surat yang seterusnya bagi mengetahui peristiwa yang berlaku seterusnya. Pembaca akan mendapat satu makna yang lengkap setelah mereka mencantumkan ayat yang terdapat di Gambar 1 dan Gambar 2.

Pageturners dalam buku cerita bergambar kanak-kanak terbahagi kepada *pageturners* berbentuk verbal dan berbentuk visual. Selain itu, terdapat juga buku cerita bergambar kanak-kanak yang menggunakan *pageturners* secara kerap sebagai bentuk berulang. Sesebuah buku cerita bergambar kanak-kanak yang efektif menggunakan satu atau beberapa *pageturners* sama ada berbentuk verbal atau berbentuk visual.

PAGETURNERS BERBENTUK VERBAL

Pageturners berbentuk verbal terdiri daripada urutan soalan-jawapan berpecah dan ayat berpecah (Gressnich, 2012). *Pageturners* ini kerap digunakan dalam buku cerita bergambar kanak-kanak dan dianggap sesuai untuk khalayak pembaca kanak-kanak kerana mudah untuk difahami oleh mereka. Kedua-dua jenis *pageturners* verbal ini dibincangkan seperti berikut:

a) *Pageturners* Berbentuk Verbal Urutan Soalan-Jawapan Berpecah

Pageturners urutan soalan-jawapan berpecah terdiri daripada teks berbentuk ayat soal dan jawapan. Sebagai contoh, muka surat pertama memaparkan ayat soal manakala jawapannya diberikan dalam muka surat yang seterusnya. Keadaan ini menggesa pembaca untuk memikirkan jawapan dan mendorong pembaca untuk menyelak halaman muka surat yang seterusnya bagi mengetahui jawapan yang sebenar. Hal ini dapat dijelaskan seperti dalam Gambar 3 di bawah:

Gambar 3: *Pageturners* urutan soalan-jawapan berpecah dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Biring Si Kunani* (2014)



Gambar 3

Gambar 4: *Pageturners* urutan soalan-jawapan berpecah dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Biring Si Kunani* (2014)



Bambar 4

Gambar 3 dan 4 di atas memaparkan *pageturners* urutan soalan-jawapan berpecah. Sebagai contoh, Gambar 3 memaparkan soalan iaitu,

“Apa yang abang pertaruhkan?” tanya Mak Siti.

(*Biring Si Kunani*,2014:15)

Jawapan bagi soalan tersebut tidak diberikan terus pada muka surat yang sama malah diberikan pada muka surat yang seterusnya. Hal ini menyebabkan pembaca menyelak muka surat bagi mendapatkan jawapan.

b) *Pageturners* Berbentuk Verbal Ayat Berpecah

Pageturners berbentuk verbal ayat berpecah merupakan ayat yang dipanjangkan melebihi satu muka surat dan terdapat sambungan ayat pada muka surat yang seterusnya. Biasanya ayat yang dipanjangkan diakhiri dengan tanda tiga titik (*triple-dot glyph*) untuk menunjukkan bahawa bahagian ayat akan bersambung pada muka surat yang seterusnya. Ayat berpecah biasanya mengandungi ayat yang tidak lengkap dari segi tatabahasa dan pembaca perlu menyelak muka surat yang seterusnya bagi melengkapkan ayat dan menjadikannya bermakna. Perkara ini dapat dijelaskan seperti dalam Gambar 5 di bawah:

Gambar 5: *Pageturners* ayat berpecah dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Si Bayang-bayang* (2013)



Gambar 5

Gambar 6: *Pageturners* ayat berpecah dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Si Bayang-bayang* (2013)




Gambar 6

Gambar 5 memaparkan *pageturners* ayat berpecah yang menunjukkan bahawa ayat yang terdapat pada Gambar 5 dipanjangkan sehingga ke ayat yang terdapat pada Gambar 6. Penggunaan tanda tiga titik selepas ayat berpecah dalam Gambar 5 jelas menunjukkan bahawa ayat pada muka surat pertama tidak lengkap. Oleh itu, pembaca perlu menyelak muka surat yang seterusnya untuk menyambung ayat yang tidak lengkap dan mendapatkan makna ayat yang lengkap.

***Pageturners* Berbentuk Visual**

Pageturners berbentuk visual juga terdiri daripada dua jenis, iaitu penggambaran berpecah dan simulasi halaman menjadi pintu atau objek serupa. *Pageturners* penggambaran berpecah hanya menunjukkan sebahagian objek pada muka surat pertama manakala fragmen yang hilang atau keseluruhan objek ditunjukkan pada muka surat yang seterusnya. Selain itu, simulasi halaman menjadi pintu atau objek serupa berlaku apabila muka surat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak berfungsi sebagai pintu atau objek serupa yang berperanan menandakan elemen dalam cerita. Pembaca membuka pintu dan menyelak halaman muka surat secara serentak (Gressnich, 2012). *Pageturners* simulasi halaman menjadi pintu atau objek serupa jarang ditemui dalam buku cerita bergambar kanak-kanak. Namun demikian, *pageturners* penggambaran berpecah terdapat dalam buku cerita bergambar kanak-kanak yang dianalisis. Hal ini dapat dijelaskan seperti dalam Rajah 4 di bawah:

Rajah 4: *Pageturners* penggambaran berpecah dalam buku bergambar kanak-kanak *Naga dan Agam* (2018)



Gambar 7

Gambar 8


Rajah 4

Rajah 4 di atas jelas memaparkan *pageturners* visual penggambaran berpecah. Misalnya, Gambar 7 hanya menunjukkan sebahagian daripada anggota badan haiwan iaitu kepala dua ekor haiwan. Pembaca kanak-kanak akan memikirkan sejenak dan cuba meneka nama haiwan berdasarkan pengamatan mereka kerana nama haiwan tidak disebutkan dalam teks. Hal ini akan menyebabkan pembaca menyelak muka surat yang seterusnya bagi mendapatkan jawapan bagi nama haiwan yang diteka oleh mereka. Sebagai contoh, pembaca akan mendapat jawapan kerana Gambar 8 menunjukkan keseluruhan badan haiwan tersebut.

PAGETURNERS BENTUK BERULANG

Kebanyakan buku cerita bergambar kanak-kanak menggunakan *pageturners* bentuk berulang bagi menekankan sesuatu peristiwa. Misalnya, terdapat ayat atau perkataan sama yang merujuk kepada sesuatu peristiwa diulang pada setiap muka surat atau pada setiap muka surat kedua atau ketiga. Sebagai contoh, dalam buku bergambar kanak-kanak bertajuk *Di Mana* (2018) terdapat penggunaan *pageturners* bentuk berulang, iaitu rangkaian kata 'Di mana?' diulang secara berkala pada beberapa muka surat dalam buku ini seperti yang terdapat dalam Rajah 5.

Rajah 5: *Pageturners* bentuk verbal dalam buku cerita bergambar *Di Mana* (2018)



Pageturners bentuk berulang dalam Rajah 5 di atas menggambarkan satu rantaian episod cerita yang serupa. *Pageturners* bentuk berulang digunakan dalam buku ini bertujuan untuk membolehkan pembaca kanak-kanak sentiasa menumpukan perhatian terhadap peristiwa yang berlaku dalam cerita ini.

PERBINCANGAN KAJIAN


Penggunaan *pageturners* sama ada berbentuk verbal atau berbentuk visual dalam buku cerita bergambar kanak-kanak bertujuan untuk mendesak pembaca mencari kesinambungan dalam teks dan gambar. Buku cerita bergambar kanak-kanak bertajuk *Apa yang Dibawa* (2017) merupakan contoh terbaik yang mengaplikasikan *pageturners* berbentuk verbal dan berbentuk visual dalam setiap muka surat buku. Misalnya, *pageturners* berbentuk verbal dalam buku ini terdiri daripada urutan soalan-jawapan berpecah dan ayat berpecah. Sebagai contoh, urutan soalan-jawapan berpecah dinyatakan dalam teks seperti pada Rajah 6, iaitu

“Apa khabar Semut Berbintik Dua? Apa yang kamu bawa itu?” tanya Semut Berbintik Satu.

“Khabar baik. Saya pun tidak tahu. Cuba tanya Semut Berbintik Tiga, Semut Berbintik Empat dan Semut Berbintik Lima di hadapan saya ini,” kata Semut Berbintik Dua.

(*Apa yang Dibawa*, 2017:2)

Gambar 11: *Pageturners* urutan soalan-jawapan berpecah dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Apa yang Dibawa* (2017)



Gambar 11

Urutan soalan-jawapan berpecah dalam Gambar 11 terdiri daripada ayat tanya yang memerlukan pembaca memikirkan jawapan. Setelah memikirkan jawapan, pembaca akan menyelak muka surat yang seterusnya bagi mengetahui jawapan yang sebenar. Sebagai contoh, teks “Apa yang kamu bawa itu?” tanya Semut Berbintik Satu merupakan ayat tanya yang memerlukan jawapan. Walau bagaimanapun, jawapan bagi urutan soalan-jawapan berpecah ini tidak terdapat pada muka surat yang seterusnya sebaliknya terdapat pada muka surat yang terakhir. Jawapan bagi urutan soalan-jawapan berpecah diletak di muka surat akhir bertujuan untuk menimbulkan unsur suspens dalam kalangan pembaca dan seterusnya mendorong pembaca untuk meneruskan pembacaan tanpa berhenti.

Selain itu, *pageturners* ayat berpecah turut terdapat dalam buku ini seperti dalam Gambar 12. Sebagai contoh, ayat dalam Gambar 12 yang diakhiri dengan tanda tiga titik menunjukkan bahawa ayat itu dipanjangkan dan tidak lengkap, iaitu

“Entah, kami pun tidak tahu,” semut-semut itu menjawab serentak. Oleh sebab Semut Berbintik Dua, Semut Berbintik Tiga, Semut Berbintik Empat dan Semut Berbintik Lima tidak tahu apa benda yang dibawa, maka Semut Berbintik satu pun terus berjalan dan hendak bertanya kepada Semut Berbintik Lapan dan Semut Berbintik Sembilan pula tetapi...

(*Apa yang Dibawa*, 2017:4)


Gambar 12: *Pageturners* ayat berpecah dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Apa yang Dibawa* (2017)



Gambar 12

Bagi menjadikan ayat dalam Gambar 12 lengkap dan bermakna pembaca perlu menyelak muka surat yang seterusnya kerana terdapat bahagian ayat yang menjadi pelengkap kepada ayat berpecah. Hal ini dapat dijelaskan seperti dalam Gambar 13 di bawah:

Gambar 13: *Pageturners* ayat berpecah dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Apa yang Dibawa* (2017)



Gambar 13

Ayat dalam Gambar 13 bermula dengan tanda tiga titik menunjukkan bahawa ayat ini merupakan sambungan daripada ayat pada muka surat sebelumnya. Misalnya,

...semua semut berbintik yang ditemui oleh Semut Berbintik Satu itu juga tidak tahu apa yang dibawa. Semut Berbintik Satu berasa hampa. Walau bagaimanapun, ia ingin mengetahui apa benda yang diusung oleh kawan-kawannya itu. Semut Berbintik Satu pun terus berjalan ke hadapan untuk bertanya kepada Semut Berbintik Sepuluh.

(*Apa yang Dibawa*, 2017:5)

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa *pageturners* ayat berpecah biasanya terdiri daripada ayat yang tidak lengkap dan tidak bermakna bertujuan untuk mendorong pembaca menyelak muka surat seterusnya bagi mendapatkan kesinambungan dan makna ayat yang lengkap.

Di samping itu, *pageturners* berbentuk visual iaitu penggambaran berpecah turut terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak ini yang menunjukkan sebahagian fragmen pada muka surat pertama manakala sebahagian fragmen lain pula digambarkan pada muka surat yang seterusnya. Misalnya, lukisan sebahagian benda yang memanjang dan berwarna hitam digunakan hampir dalam setiap muka surat dalam buku ini bagi membolehkan pembaca mencari kesinambungan benda itu, misalnya seperti dalam Gambar 14.

Gambar 14: *Pageturners* berbentuk visual dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Apa yang Dibawa* (2017)



Gambar 14

Lukisan setiap bahagian fragmen pada gambar di sesetengah *verso* (muka surat kiri) bermula tepat dari bahagian gambar pada *recto* (muka surat kanan) seperti dalam Gambar 14 dan dan Gambar 15. Hal ini bertujuan untuk membolehkan pembaca menyambung setiap bahagian fragmen yang terdapat pada setiap muka surat untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas. Keadaan ini akan membolehkan pembaca kanak-kanak meneka dan memikirkan tentang bahagian fragmen setiap kali terjumpa pada muka surat yang berlainan. Secara tidak langsung hal ini akan mendorong pembaca menyelak muka surat yang seterusnya untuk mendapatkan jawapan.

Gambar 15: *Pageturners* bentuk visual dalam buku cerita bergambar kanak-kanak *Apa yang Dibawa* (2017)



Gambar 15

Selain itu, pada muka surat yang terakhir ditunjukkan lukisan kepala seekor haiwan. Pembaca akan cuba membayangkan setiap fragmen lukisan yang tertinggal pada setiap muka surat untuk menjadikan satu gambar yang lengkap pada akhir cerita ini seperti pada Gambar 16.

Gambar 16: *Pageturners* bentuk visual dalam buku *Apa yang Dibawa* (2017)



Gambar 16

Pageturners bentuk berulang iaitu pengulangan ayat atau rangkai kata yang sama turut terdapat dalam setiap muka surat buku cerita bergambar kanak-kanak ini. *Pageturners* bentuk berulang dalam buku cerita bergambar kanak-kanak ini merangkumi satu rantaian episod cerita dan memiliki satu irama yang serupa serta berulang-ulang. Sebagai contoh, teks “Apa yang kamu bawa ini?” dinyatakan pada setiap muka surat sebagai irama yang berulang-ulang seperti yang terdapat dalam Gambar 11 sebelum ini. Pengarang menggunakan *pageturners* bentuk berulang bagi memberikan penekanan kepada peristiwa iaitu peristiwa semut-semut membawa sesuatu benda yang menjadi tanda tanya kepada Semut Bintik Satu. Hal ini akan menimbulkan rasa ingin tahu dalam kalangan pembaca dan mendorong mereka untuk meneruskan pembacaan semata-mata untuk mengetahui benda yang dibawa oleh semut-semut lain.

Buku cerita bergambar kanak-kanak ini merupakan antara buku yang memaparkan *pageturners* berbentuk verbal dan berbentuk visual secara teliti. Pengarang dan ilustrator menggunakan *pageturners* bertujuan untuk mendorong pembaca menyelak muka surat yang seterusnya bagi mendapatkan jawapan bagi setiap soalan baik dalam bentuk verbal mahupun dalam bentuk visual. Walau bagaimanapun, dalam buku cerita bergambar kanak-kanak ini jawapan bagi kedua-dua *pageturners* ini hanya terdapat pada muka surat terakhir. Perkara ini bertujuan untuk membolehkan pembaca kanak-kanak meneka dan berfikir secara fleksibel serta membolehkan mereka merungkai jawapan serta menyusun semula lukisan fragmen yang tertinggal mengikut urutan bagi mendapatkan makna cerita ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, *pageturners* merupakan satu perkara unik yang hanya terdapat dalam buku cerita bergambar bertujuan untuk mendapatkan penyertaan pembaca kanak-kanak ketika aktiviti membaca. Pengarang dan ilustrator mementingkan penggunaan aspek *pageturners* dalam buku cerita bergambar untuk menjadikan jalan cerita lebih menarik dan menyeronokkan aktiviti pembacaan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, pembaca kanak-kanak mudah berasa bosan sekiranya jalan cerita disampaikan secara mendatar sahaja tanpa sebarang unsur suspens atau rasa ingin tahu. Kepentingan *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak adalah untuk meningkatkan unsur suspens dalam kalangan pembaca kanak-kanak. Walau bagaimanapun, *pageturners* yang menggunakan bentuk berulang tidak berfungsi untuk meningkatkan unsur suspens malah hanya berfungsi sebagai unsur didaktif sahaja. Secara tidak langsung, penggunaan *pageturners* dalam buku cerita bergambar kanak-kanak yang diterbitkan di Malaysia menunjukkan bahawa buku tersebut berkualiti dan berkembang seiring dengan buku cerita bergambar kanak-kanak yang diterbitkan di luar negara.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2010). Konsep Estetika Bersepadu: Terapan dan Analisis Terhadap Karya-Karya Puisi Ahmad Kamal Abdullah. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah, N. I., Sarudin, A., Osman, Z., & Mohamed Redzwan, H. F. (2020). Elemen multimodaliti dalam karya kartun menerusi mod linguistik dan mod visual. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 28-39. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/126>
- Alimah Salam. (2010, September). Memperkasakan karya sastra kanak-kanak. *Dewan Sastra*, 39-43.
- Bekkedal, T.K., (1973) Content Analysis of Children's Books. *Library Trends*, 22 (2), 109-126.
- Chew Fong Peng, (2012) Developing Children's Literary Resources. *Educational Research and Review*, 7 (7), 155-168.
- Gressnich, E., (2012) Verbal and Visual Pageturners in Picturebooks. *International Research in Children's Literature*, 5 (2), 167-183.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastra Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj.Wahid, A., & Ramli, F. N. A. (2017). Sastra Melayu Membina Teras Identiti Bangsa. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 1 - 25. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/47>
- Jalongo, M.R., (2004). *Young Children and Picture Books*. (2nd edition). Washington: National Association for the Education of Young Children
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak: Teori dan amali*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Nikolajeva, M. & Scott, C., (2006). *How Picturebooks Work*. New York: Routledge.
- Nik Muhamad Affendi, N. R. (2013). Unsur Fantasi Sebagai Medium Pengajaran Dalam Sastra Kanak-Kanak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 210 - 227. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/107>
- Nodelman, P. & Reimer, M. (2003). *The Pleasures of Children's Literature*. United States of America: Pearson Education, Inc.
- Rusell, D., (2015). *Literature for Children: A Short Introduction*. United State of America: Pearson.
- Short, K.G., Tomlinson, C.M., Brown, C.L., & Johnson, H. (2015). *Essentials of Young Adult Literature*. United State of America: Pearson Education, Inc.
- Sipe, L., (2001) Picturebooks as Aesthetic Objects. *Literacy Teaching and Learning*, 6 (1), 23-42.
- Sipe, L. & Brightman, A.E., (2009) Young Children's Interpretations of Page Breaks in Contemporary Picture Storybooks. *Journal of Literacy Research*, 41, 68-103.